



MOHAD KAMIL RAHIM | BERITA HARIAN

TUNKU Puteri Intan Safinaz berbual dengan Youssof (kiri) dan Dr Hasan selepas melancarkan kempen kesedaran mengenai Aids dan HIV.

B.H 12/12/08 M/S 13

Oleh Shaidah Shafie
shasha@bharian.com.my

MESKIPUN pelbagai kempen kesedaran dilakukan kerajaan mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO), statistik menunjukkan jumlah mereka yang dijangkiti HIV dan Aids terus meningkat setiap hari. HIV dan Aids terus memberi impak kepada institusi kekeluargaan apabila semakin ramai wanita dan kanak-kanak dijangkiti virus yang tiada penawar itu.

HIV, Aids ancam institusi keluarga

Ramai wanita terpaksa menjadi ketua keluarga, kanak-kanak jadi anak yatim

“Sebagai suami dan ayah, saya tahu kita boleh membantu mengubah fahaman masyarakat dengan menentang diskriminasi terhadap mereka yang terpaksa hidup dengan HIV”

Youssof Oomar
Wakil Unicef di Malaysia

Semua pihak perlu bantu capai sasaran

SASARAN Pembangunan Millenium untuk menghentikan dan mengurangkan penyebaran HIV di negara ini pada 2015 mampu dicapai jika semua pihak bergabung tenaga bagi memastikan HIV dan Aids dapat dibendung sepenuhnya atau sekurang-kurangnya, mengurangkan risiko jangkitan pada tahap minimum.

Pengarah Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Hasan Abdul Rahman, berkata strategi memerangi HIV dan Aids boleh mencapai sasaran sekiranya ada komitmen daripada pelbagai pihak tanpa mengira tahap atau kedudukan dalam masyarakat.

“Sejak 2003, laporan tahunan menunjukkan pengurangan konsisten pada tahun ini, tetapi tahun sebelumnya menunjukkan kadar tertinggi iaitu 28.5 bagi setiap 100,000 penduduk dan berkurangan

mengutarakan isu wanita dan Aids sebagai garis panduan dalam strategi keempat bertujuan mengurangkan jangkitan HIV terhadap wanita, orang muda dan kanak-kanak.

“Ia membabitkan beberapa kementerian antaranya, Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Kerajaan tempatan dan beberapa badan bukan kerajaan serta agensi antarabangsa seperti Unicef.

Hari Aids Sedunia disambut dengan slogan Cegah Aids Kotakan Janji dengan tema Kepimpinan yang secara tidak langsung menggesa sebarang tindakan atau agenda membabitkan kesedaran mengenai menjauhi jangkitan HIV dan Aids yang perlu disertai oleh seluruh lapisan masyarakat.

“Kami sedar tindakan nyata terhadap reaksi

kes, kajian kes mendapati kanak-kanak adalah insan yang paling terkesan oleh HIV dan Aids termasuk dipinggirkan masyarakat selain terpaksa menumpang kasih dengan pihak tertentu atau keluarga lain apabila kematian seorang atau kedua-dua ibu bapa mereka akibat Aids. Dianggarkan sehingga kini, kira-kira 2,000 kanak-kanak di Malaysia positif HIV dan kebanyakan mereka terpaksa ditempatkan di rumah perlindungan.

Wakil Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) di Malaysia, Youssouf Oomar, berkata apabila kanak-kanak kehilangan ibu bapa yang menjadi tempat bergantung mereka sepenuhnya. Sehubungan itu, program memperkasakan wanita perlu diperhebatkan bagi menyedarkan impak HIV dan Aids.

"Kalau ada ahli keluarga yang mengalami masalah kesihatan, wanita yang bergelar ibu itulah yang akan menunjukkan keprihatinan menjaga anaknya yang sakit, tetapi apa akan terjadi sekiranya wanita itu sendiri yang mengalami masalah kesihatan seperti jangkitan HIV. Mereka juga akan sakit seterusnya meninggal dunia dan anak mereka akan kehilangan kasih sayang, sokongan dan pastinya tiada siapa yang akan mengambil berat mengenai mereka," katanya.

Yousouf berkata demikian ketika berucap pada majlis Women Unite sempena Hari Aids Sedunia di ibu kota, baru-baru ini, Turut hadir, Pengerusi Yayasan Sultanah Bahiyah, Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Katanya kebangkitan kesedaran mengenai HIV dan Aids di kalangan wanita Malaysia kini bukan setakat isu membabitkan mengelakkan daripada jangkitan dan mengawal wabak berkenaan supaya tidak merebak, tetapi ia memerlukan lebih daripada itu seperti memahami dan memberikan tindak balas terhadap stigma serta risiko yang berkaitan dengan diskriminasi gender dan persamaan, kebudayaan, norma keagamaan, harapan serta ekonomi.

"Kita mesti meningkatkan ilmu pengetahuan wanita dan anak gadis mengenai jangkitan HIV dan Aids, memudahkan capaian mereka terhadap pendidikan seks, kesihatan reproduktif dan meningkatkan keupayaan untuk melindungi mereka daripada HIV selain menentang diskriminasi gender serta keganasan," katanya.

Bagaimanapun, Youssouf turut mengingatkan mengenai pembabitan lelaki dan kanak-kanak lelaki yang tidak wajar dipinggirkan kerana kumpulan berkenaan juga diperlukan dalam

peluang untuk menjelmakan suara mereka menjadi kenyataan.

"Sebagai suami dan ayah, saya tahu kita boleh membantu mengubah fahaman masyarakat dengan menentang diskriminasi terhadap mereka yang terpaksa hidup dengan HIV dan mencetus persekitaran yang lebih terjamin terhadap remaja dan kanak-kanak dengan memastikan mereka dilindungi, diberi rawatan dan sokongan yang mereka perlukan," katanya.

Sementara itu, Tunku Puteri Intan Safinaz bertitah, setiap individu berkemampuan untuk mempengaruhi orang lain dan sebagai ketua, wanita mempunyai kapasiti serta

INFO

HIV dan Aids

■ Setiap minit, seorang kanak-kanak di bawah umur 15 tahun dijangkiti HIV

■ Setiap hari, lebih 6,000 belia berumur 15 hingga 24 tahun dijangkiti HIV

■ Setiap hari, 1,440 kanak-kanak meninggal dunia disebabkan Aids.

■ Setiap hari, 1,370 kanak-kanak kehilangan seorang atau kedua-dua ibu bapa mereka disebabkan Aids.

■ Tidak semua ibu yang positif HIV akan menjangkitkan HIV kepada bayi mereka. Daripada 100 ibu hanya 20 hingga 30 peratus bayi disahkan positif HIV.

peluang untuk menjelmakan suara mereka menjadi kenyataan.

Titahnya, bagi keluarga yang dijangkiti HIV dan Aids, jangkitan berkenaan bukan perkara berat yang harus mereka tanggung, sebaliknya stigma masyarakat sekeliling yang membuatkan mereka berada dalam keadaan tertekan dan ketakutan.

"Stigma membuatkan mangsa berasa malu dan seterusnya tidak cuba untuk mendapatkan rawatan menyebabkan mereka menghampiri kematian. Apabila berlaku kematian, anak mereka yang masih kecil akan hidup tanpa penjagaan belaian ibu. Stigma juga menyebabkan kanak-kanak disingkirkan oleh guru dan rakan di sekolah kerana mereka positif HIV. Oleh sebab stigma jugalah, kanak-kanak yang dijangkiti HIV boleh dilihat di jalanan kerana tiada siapa mengambil berat mengenai mereka. Isu ini adalah kenyataan dan ia berlaku setiap hari," titahnya.


Sehubungan itu, titahnya, stigma juga menyebabkan Unicef dan Unaidis melancarkan kempen Unite for Children, Unite Against Aids secara global terhadap kanak-kanak dan Aids bertujuan menggembelng tindakan individu yang ada kaitan dengan Aids demi mengukuhkan perlindungan persekitaran untuk kanak-kanak selain memastikan generasi akan datang bebas Aids.

peraturan dan berikhting kepada 16.7 bagi setiap 100,000 penduduk pada 2007. Sekiranya bacaan berkenaan dianggarkan konsisten, Malaysia berupaya mencapai Sasaran Pembangunan Millenium untuk menghentikan dan mengurangkan penyebaran HIV pada 2015 yang mana pihaknya menasaskan kadar 11 jangkitan pada setiap 100 ribu populasi," katanya.

Beliau berucap pada program Hari Aids Sedunia 2008 di ibu kota, baru-baru ini, berkata bagi memperbaiki keadaan, Pelan Strategik Kebangsaan mengenai HIV dan Aids

nyata terhadap risiko memerangi HIV berjaya sekiranya ada kesungguhan dan kekuatan di kalangan kepimpinan dalam menangani HIV dan Aids, termasuklah menggalakkan pengamalan cara hidup sihat, pencegahan, rawatan, pemeriksaan teliti, sokongan dan ambil berat.

Dalam hubungan ini, katanya, tekad memerangi Aids mesti dilaksanakan dengan pembabitan pelbagai kementerian, jabatan kerajaan, badan profesional, organisasi perniagaan, badan kerajaan, pertubuhan dan setiap lapisan masyarakat.



KANAK-KANAK menikmati hidup cergas sekiranya bebas Aids.